

82

NO. SOALAN : 334

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN
HAJI NASARAH
(LENGGONG)**

SOALAN

DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sejauh mana pencapaian dan kejayaan Kementerian terhadap inisiatif program 'Go Green' yang dipromosikan menerusi penganjuran Sukan SEA 2017 dan adakah konsep ini terus dilestarikan setelah tamatnya sukan tersebut.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Penganjuran Temasya KL2017 mencipta sejarah penganjuran acara sukan negara dengan adaptasi inisiatif dan elemen teknologi hijau dengan matlamat untuk meminimalkan impak kepada alam sekitar serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar dan amalan hidup hijau.
2. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Inisiatif Hijau telah mengenal pasti fokus inisiatif hijau KL2017 mengambil kira faktor masa, kewangan dan infrastruktur sedia ada. Lima (5) fokus utama adalah:
 - a. pengurusan kecekapan tenaga;
 - b. pengurusan sisa pepejal;
 - c. pengurusan pengangkutan;
 - d. pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar; dan
 - e. inisiatif penanaman pokok
3. Pelaksanaan inisiatif hijau dihadkan di tiga (3) *venue* utama iaitu Kompleks Sukan Bukit Jalil, KLCC dan *Malaysian International Exhibition Centre* (MITEC). Sasaran yang ditetapkan adalah

penjimatan penggunaan tenaga sebanyak 15 peratus sepanjang temasya dan pengurangan sisa pepejal ke tapak pelupusan sebanyak 30 peratus.

4. Dalam melaksanakan inisiatif ini, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bekerjasama dengan beberapa agensi seperti:

- a. *Malaysian Green Technology Corporation (MGTC)* dan Suruhanjaya Tenaga untuk melaksanakan tugas pengurusan kecekapan tenaga;
- b. Perbadanan pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Perbadanan Stadium Negara bagi tugas pengurusan sisa pepejal; serta
- c. Universiti Malaya (UM) di dalam kerjasama pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar melalui program sukarelawan hijau.

Tuan Yang Dipertua,

5. Dalam memastikan Inisiatif Hijau KL2017 dilaksanakan secara teratur dan berkesan, Kementerian ini bekerjasama rapat dengan agensi pelaksana di atas terutamanya dalam mengatur strategi dan

gerak kerja khususnya penetapan skop inisiatif kepada *stakeholders* serta penyediaan *Standard Operational Procedure* (SOP) kerja. Gerak kerja Inisiatif Hijau KL2017 tersebut merangkumi:

- a. Pengurusan audit tenaga di tiga (3) *venue* acara terpilih untuk meneliti kadar penjimatan tenaga dan pengurangan pelepasan gas rumah kaca;
- b. Rawatan di punca (*treatment at source*) sisa pepejal yang dihasilkan sepanjang temasya bertujuan mengurangkan kadar pembuangan sisa pepejal ke tapak pelupusan;
- c. Penyediaan 15,000 buah basikal di *venue* acara serta promosi penggunaan pengangkutan awam bertujuan mengurangkan pelepasan gas rumah kaca;
- d. Promosi 3R dengan penyediaan bin kitar semula yang mencukupi untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan kitar semula dan penjagaan alam sekitar; dan
- e. Penanaman sebanyak 5,249 anak pokok mengikut bilangan pingat yang dipertandingkan di dalam KL2017 di kawasan Pelan Induk Rangkaian Koridor Ekologi (*Central Forest Spine - CFS*)

bermula bulan November 2017 hingga Mac 2018 dengan tujuan mengimbangi gas rumah kaca yang terhasil semasa KL2017.

6. Pelaksanaan Inisiatif Hijau yang dilaksanakan di dalam KL2017 dilihat berjaya mencapai sasarannya iaitu:
 - a. sebanyak 49 peratus sisa yang terhasil sepanjang penganjuran KL2017 telah berjaya dirawat dan dikurangkan ke tapak pelupusan sampah berbanding 30 peratus sasaran asal;
 - b. sebanyak 917,000 kWh mewakili 17 peratus tenaga telah dapat dijimatkan berbanding sasaran asal iaitu 15 peratus hasil dari pengurusan kecekapan tenaga; dan
 - c. pengurangan pelepasan gas rumah kaca sebanyak 2,703 ton karbon dioksida (tCO₂) iaitu 637 tCO₂ dari penjimatan tenaga dan sebanyak 2,066 tCO₂ dari pengurusan sisa pepejal.

Sekian, terima kasih

.....